



LAPORAN TAHUNAN

Pihak Berkuaasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

2019

ISI KANDUNGAN



| | | |
|---|---------------------------------------|----|
| 1 | PERUTUSAN PENGERUSI | 3 |
| 2 | KATA-KATA ALUAN KETUA EKSEKUTIF | 5 |
| 3 | PENGENALAN | 7 |
| 4 | PROFIL KORPORAT | 9 |
| 5 | PENCAPAIAN DAN AKREDITASI | 17 |
| 6 | STATISTIK | 23 |
| 7 | AKTIVITI PBPP SEPANJANG TAHUN 2019 | 33 |
| 8 | LAPORAN KEWANGAN | 39 |



01 PERUTUSAN PENGERUSI



Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Pertama sekali, izinkan saya untuk menzahirkan sekalung penghargaan kepada barisan sidang redaksi dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) 2019. Melalui penerbitan laporan ini, pencapaian dan kejayaan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP), Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2019 dapat dikongsikan bersama dan menjadi sumber rujukan pelbagai pihak. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada semua warga PBPP yang telah memberikan komitmen padu dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Tahun 2019 telah menyaksikan PBPP memperhebatkan sinergi transformasi industri peranti perubatan melalui penganjuran program-program utama. Di antara program ini ialah *International Medical Device Conference (IMDC)* 2019 dan *Malaysia Medical Device Expo (MYMEDEX)* 2019 yang merupakan program jaringan kolaboratif strategik bersama pihak *My Events International*. Melalui kolaborasi tersebut, satu perantara telah dapat disediakan bagi wakil industri peranti perubatan dan pengawal selia peranti perubatan daripada seluruh dunia untuk berbincang dan mewujudkan jaringan kerjasama profesional. Adalah diharapkan industri ini akan terus berdaya saing dan maju, namun terkawal di dalam ruang lingkup standard dan perundangan sedia ada.

Bagi tahun 2020, saya menyeru kepada semua warga PBPP untuk terus komited dalam menjayakan program yang telah dirancang. Semoga produktiviti dan pencapaian cemerlang ini diteruskan dan ditingkatkan secara berterusan.



**Tan Sri Dato' Seri
Dr Noor Hisham bin Abdullah**

Pengerusi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

02 | KATA ALU-ALUAN KETUA EKSEKUTIF



Kata Alu-Aluan Ketua Eksekutif

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah AWT di atas rahmat dan nikmat-Nya serta limpahan kebahagiaan bersama keluarga, sanak-saudara dan masyarakat seluruhnya.

Kini setelah hampir 7 tahun, PBPP yang telah ditubuhkan pada 14 Jun 2012 berjaya melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Agensi ini yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Kawalan Peranti Perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia telah memainkan peranannya sebagai pengawal selia industri peranti perubatan.

Setelah melihat perkembangan PBPP, prestasi PBPP kian meningkat dan maju dari semasa ke semasa. Maka amat besarlah harapan saya sekiranya dapat menyerahkan lagi kreativiti dan inovasi PBPP bagi memastikan PBPP mengikut keperluan dan kehendak industri.

Semangat kerjasama adalah penting dalam pengurusan sesuatu organisasi. Kerjasama yang diberikan akan dapat menyelesaikan tugas yang dilaksanakan serta mampu mengeratkan hubungan antara rakan dalam organisasi. Kekuatan MDA terletak pada sumbangan yang diberikan oleh pasukan pengurusan staf serta sokongan yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Bagi pihak Pengurusan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Lembaga Pengarah dan pelbagai agensi Kerajaan di atas sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun ini.

Sekian, terima kasih.



**Ahmad Shariff
Bin Hambali**

Ketua Eksekutif PBPP

03 PENGENALAN



SEJARAH PENUBUHAN PBPP

PBPP merupakan sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang ditubuhkan melalui Akta 738. Ianya berfungsi untuk melaksanakan dan menguatkuasa Akta 737 dengan objektif untuk memastikan kesihatan dan keselamatan orang awam dan isu-isu yang berkaitan peranti perubatan serta membantu industri perdagangan peranti perubatan.

Pada penghujung tahun 2011, Akta 737 dan Akta 738 telah diluluskan di dalam kedua-dua Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Selpas itu pada Februari 2012, Akta 737 dan Akta 738 ini diwartakan.

Susulan daripada pewartaan kedua-dua Akta ini, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) juga telah ditubuhkan secara rasminya pada 15 Mac 2012 dan mula beroperasi pada 16 Jun 2012.


Penubuhan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP)



04 PROFIL KORPORAT



Misi, Visi & Nilai Utama



Pihak Berkuasa Peranti Perubatan berhasrat untuk mencapai visi yang telah dirancang dan mencapai jangkaan pelanggan melalui:


- Penyampaian perkhidmatan yang cemerlang
- Didorong oleh teknologi
- Perkongsian dengan pelanggan dan stakeholders

Peranan PBPP

Bagi melindungi keselamatan dan kesihatan umum, PBPP memainkan peranan yang penting serta menyumbang ke atas sistem penjagaan kesihatan negara yang berkualiti dengan menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:



Punca Kuasa (Akta 737 & 738), Pihak Berkepentingan dan Pelanggan



Anggota PBPP, Fungsi Dan Kuasa Anggota

Keanggotaan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan telah ditetapkan di bawah Seksyen 4 (1) Akta 738 yang mana keanggotaan ini terdiri daripada:-



Seksyen 12 telah menggariskan segala fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa seperti berikut:-

- i) Melaksanakan dan menguatkuasakan dan menimbaangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang peranti perubatan;
- ii) untuk mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan, dan aktivitinya;
- iii) untuk menggalakkan dan mempromosi pembangunan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya termasuklah dalam bidang penyelidikan dan latihan;
- iv) untuk memberi perkhidmatan perundungan dan nasihat dana apa-apa perkhidmatan lain berhubung dengan peranti perubatan, industry peranti perubatan dan aktivitinya;
- v) untuk menggunakan segala harta Pihak Berkuasa, harta alih dan tidak alih, mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Pihak Berkuasa termasuk mendapatkan pinjaman bagi menggadai janji apa-apa harta;
- vi) untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa; dan
- vii) untuk memberi pinjaman dan biasiswa kepada pekhidmat Pihak Berkuasa bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kesihatan.

Anggota-Anggota PBPP



**Y. BHG. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham B. Abdullah
Pengerusi**

Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia



**En. Ahmad Shariff bin Hambali
Ketua Eksekutif**

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia



**Pn. Noorhayati binti Tompong
Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Bahagian Pengurusan Belanjawan**

Bahagian Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia



**Y. BHG. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)**

Kementerian Kesihatan Malaysia



Y. Bhg. Datuk Veeramany A/L Selvam
Wakil yang dilantik Menteri Kesihatan



Pn. Lee Lay Choo
Wakil yang dilantik Menteri Kesihatan



En. Hitendra A/L Dalpatram Joshi
Wakil yang dilantik Menteri Kesihatan



Ir. Ismail bin Ibrahim
Wakil yang dilantik Menteri Kesihatan



En. Muhammad Samson Mikail Abdullah
Wakil yang dilantik Menteri Kesihatan



**En. Ahmad Farhan b. Mohd Yunus
Urusetia**

Pengurusan Tertinggi

Ahmad Shariff bin Hambali
Ketua Eksekutif

⋮
⋮
⋮

Sasikala
A/P Thangavelu
**Pengarah Bahagian Dasar,
Kod & Standard**

⋮
⋮

Yusof bin Mohd Johari
**Pengarah Bahagian
Pendaftaran, Pelesenan &
Penguatkuasaan**

⋮
⋮

Aidahwaty Ariffin
@ M. Olaybal
**Pengarah Bahagian
Penilaian Teknikal**


⋮

Idamazura binti Idris
@ Harun
**Ketua Cawangan Survelan
& Penguatkuasaan**

⋮
⋮
⋮

Salbiah binti Yaakop
**Ketua Cawangan Dasar &
Bantuan Industri**

CARTA FUNGSI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN




05 PENCAPAIAN DAN AKREDITASI



PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN PERANTI PERUBATAN DI MALAYSIA

Bagi memastikan keselamatan orang awam dan juga pengguna peranti perubatan di Malaysia, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) sentiasa aktif dalam melakukan aktiviti penguatkuasaan dan memantau situasi dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap peranti yang berada dalam pasaran adalah selamat digunakan.

Pemantauan Peranti Perubatan di Malaysia




- Berdasarkan risiko dan keterukan masalah atau insiden yang berlaku, PBPP akan melakukan pemeriksaan dan siasatan serta mengadakan perbincangan dengan pengguna dan establismen yang terlibat bagi mengesahkan aduan dan mengenal pasti punca masalah atau insiden berlaku.
- Tindakan dan pencegahan dan penambahbaikan telah diambil oleh establismen berdasarkan syor dan arahan yang diberikan oleh PBPP.

Penguatkuasaan terhadap establismen yang tidak patuh kepada Akta 737

PBPP sentiasa mengambil tindakan berpandukan akta 737 dan mengambil serius terhadap aduan yang diterima mengenai establismen yang tidak patuh terhadap Akta 737 sama ada menjual produk yang tidak berdaftar maupun tidak mempunyai lesen establismen.

Sepanjang tahun 2019, PBPP telah:




Mengendalikan

74 aduan yang bermasalah pengiklanan yang melibatkan peranti perubatan dan produk dengan tuntutan sebagai peranti perubatan

Mengeluarkan

60 surat amaran bagi pelbagai pelanggaran Akta 737 dan syarat-syarat pendaftaran peranti perubatan dan pelesenan establismen



Menerima dan menguruskan

sebanyak 98 aduan mengenai ketidakpatuhan kepada Akta 737 dan Peraturan Peranti Perubatan 2012

Menjalankan

sebanyak 3 serbuan



KOLABORASI DALAM DAN LUAR NEGARA

PBPP juga aktif dalam menyertai program harmonisasi kawalan peranti perubatan melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala bagi mencapai visi PBPP iaitu untuk menjadi badan kawalselia peranti perubatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa menjelang 2020.

**Penglibatan
PBPP**

3

mesyuarat MDA-Industry Collaborative Committee (MICC) telah diadakan pada tahun 2019

11

mesyuarat hubungan antarabangsa di dalam negara dan luar negara seperti Asian Harmonization Working Party (AHWP) dan Asean Medical Device Committee (AMDC)

Penglibatan PBPP dalam program-program tersebut adalah untuk menyelaraskan sistem regulatori peranti perubatan di Asia selari dengan objektif badan-badan regulatori peranti perubatan di seluruh dunia yang bertujuan untuk menghasilkan satu standard dan procedure yang harmoni kepada semua pihak.

LATIHAN KEPADA INDUSTRI DAN PENGGUNA PERANTI PERUBATAN

Sepanjang tahun 2019, PBPP giat menjalankan latihan kepada Badan Penilaian Pematuhan (CAB), institusi-institusi Kesihatan dan juga pakar-pakar Kesihatan melalui latihan, seminar dan persidangan.

TRAININGS SANCTIONED BY THE MEDICAL DEVICE AUTHORITY ON STATUTORY REQUIREMENTS (PROFICIENCY TRAININGS)



Unit Pendaftaran CAB dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan Proficiency Trainings **sebanyak tiga (3) kali** pada tahun 2019 yang diadakan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, PRIMA 9, Cyberjaya. Kursus ini dilaksanakan pada bulan **Mac, Julai dan November 2019**. Sebanyak empat (4) hari diperuntukkan untuk setiap penganjuran kursus, yang menjadikan dua

belas (12) hari kursus dilaksanakan dalam setahun. Kursus ini adalah untuk mereka yang sudah berada dalam skim pensijilan peranti perubatan pada tahap profesional yang didaftarkan sebagai juruaudit dan/atau kakitangan teknikal di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Industri sasaran adalah Badan Penilaian Pematuhan, Badan Persijilan, Badan-badan Berkanun, Badan Jaminan Kualiti dan Hal-hal Pengawalseliaan Syarikat Peranti Perubatan. Peserta kursus ini akan didaftarkan sebagai juruaudit dan/atau kakitangan teknikal di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) selepas mereka lulus peperiksaan dan dianugerahkan dengan Sijil Kecekapan.

Objektif kursus ini adalah seperti berikut:

- Untuk memahami Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737)
- Untuk memahami Peraturan Peranti Perubatan 2012
- Untuk memahami semua keperluan peraturan peranti perubatan
- Untuk memahami prosedur penilaian pematuhan pada sistem pengurusan kualiti
- Untuk memahami prosedur penilaian pematuhan mengenai sistem pengawasan pasca pasaran
- Untuk memahami prosedur penilaian pematuhan mengenai dokumentasi teknikal
- Untuk memahami prosedur penilaian pematuhan mengenai perisytiharan pematuhan
- Untuk memahami prosedur penilaian pematuhan dengan cara pengesahan.



220 peserta

Jumlah kutipan fi kursus

RM 154,000.00



168 peserta dari keseluruhan 220 peserta (76.4%) lulus peperiksaan kecekapan sepanjang tahun 2018





Pencapaian penganjuran bagi tahun 2019 adalah sangat memberangsangkan dengan penyertaan sebanyak 220 peserta dengan jumlah kutipan fi kursus bernilai RM 154,000.00. Seramai 168 peserta dari keseluruhan 220 peserta (76.4%) lulus dalam peperiksaan kecekapan yang diadakan sepanjang tahun 2018 dan ini menjadikan objektif kursus pada tahun tersebut telah dipenuhi dan tercapai dengan jayanya.

Program Promosi Kesedaran Pengguna Akta 737 (USER)


Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menganjurkan suatu program kesedaran (awareness program) setiap tahun mengenai program kawalan peralatan perubatan di hospital-hospital kerajaan termasuk pusat perubatan swasta di Malaysia.

Program kesedaran ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai **Akta 737 (Akta Peranti Perubatan)** dan **Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738)**. Memberi penerangan berkaitan **kawalan peranti perubatan ke atas pengurusan penyelenggaraan, penggunaan dan pelupusan peranti perubatan di Institusi Kemudahan Kesihatan**. Memberi pemahaman tentang pengurusan aduan peranti perubatan di Institusi Kemudahan Kesihatan.



Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganudan

Sebanyak **dua (2)** program kesedaran kepada pengguna telah dijalankan pada tahun **2019**. Pada **25 November 2019**, program tersebut mula dijalankan di **Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganudan** seterusnya program tersebut dijalankan di **Hospital Umum Sarawak** pada **20 September 2019**.



Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru

Selain itu, program ini juga telah dijalankan di **Auditorium Sri Selasih, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru** pada **28 November 2019**. Purata kehadiran peserta bagi kesemua program ini ada seramai **100 orang peserta** setiap program.

06 STATISTIK



Cawangan Pendaftaran dan Pelesenan

Menyemak dan mendaftar sebanyak

8,215

permohonan
pendaftaran peranti
perubatan yang
diterima



Bilangan permohonan pendaftaran peranti perubatan yang diluluskan mengikut kelas

Kelas A | 3118 peranti perubatan

Kelas B | 1861 peranti perubatan

Kelas C | 1115 peranti perubatan

Kelas D | 2103 peranti perubatan

Kombinasi: **18 permohonan**


Menyemak, menilai dan mendaftar

4,924

permohonan
*change
notification*



Menyemak, menilai dan meluluskan



● 327 lesen establismen baru

● 493 lesen establismen yang diperbaharui
(*renewal*)

● 235 pindaan lesen
(*amendment*)

● 474 pertukaran hak milik
(*Change of Ownership*)





Bengkel
Penambahbaikan
Peraturan Peranti
Perubatan 2012

Bengkel
Pembangunan
Polisi dan Garis
Panduan



1484

Sijil Jualan bebas / Sijil
Pengilangan dikeluarkan

218

notifikasi Export
Only dikeluarkan

72

sesi konsultansi,
7 konsultansi
dikelolakan

1

latihan *Training of Trainers (TOT) for Software
as Medical Device (SaMD)* telah diadakan pada
20-22 November dengan kerjasama pihak UTM

102

langganan *MDA Regulatory Information
Subscription (MDARIS)* diterima

11


mesyuarat hubungan antarabangsa di dalam
negara dan luar negara seperti mesyuarat *Asian
Harmonization Working Party (AHWP)* dan *Asean
Medical Device Committee (AMDC)*


3

mesyuarat *MDA-Industry Collaborative
Committee (MICC)* telah diadakan



Unit Bantuan
Industri
(MDA-CoRE)





Cawangan Rujukan Saintifik

195 notifikasi bagi import dan/atau pembekalan peranti perubatan yang dikecualikan daripada pendaftaran bagi tujuan demonstrasi untuk pemasaran atau pembelanjaran

73 notifikasi bagi import dan/atau pembekalan peranti perubatan *Custom Made* yang belum didaftarkan

145 notifikasi bagi import dan/atau pembekalan peranti perubatan yang belum didaftarkan melalui *Special Access*

350 permohonan pengelasan produk

UNIT ICT TAHUN 2019

6 Pengurusan
Kajian Pasaran
Projek ICT;

6 Pengurusan
Perolehan ICT
(sebut harga);


75 Pengurusan Baikpulih
Perkakasan dan
Perisian ICT;

25 Pengurusan Sokongan Teknikal ICT
Semasa Penganjuran Aktiviti
PBPP (mesyuarat,
perbincangan, seminar,
persidangan dan yang
berkaitan);



183 Pengurusan
Selenggara
Perkakasan ICT
(Perkakasan
Sewaan dan
Aset);





29,019 Pengurusan Sokongan Operasi
Teknikal ICT Sistem Aplikasi;

304 Pengurusan
Pinjaman
Kemudahan ICT;



11 Pengurusan
Perkakasan
Rangkaian;

93 Pengurusan
Bilik Server dan
Infrastruktur ICT;



19 Pengurusan
MyGovUC;


23 Pengurusan
Keselamatan
ICT;



491 Pengurusan
Portal Rasmi
PBPP;



2 Pengurusan
Pembangunan
Sistem ICT;



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT





Unit Khidmat Pengurusan

- 1** Menguruskan hal ehwal berkaitan perkhidmatan, penjawatan dan latihan bagi:
a) 63 pegawai tetap
b) 39 pegawai kontrak/ sambilan 
- 2** Menguruskan kenaikan pangkat seramai 8 orang pegawai pelbagai gred. 
- 3** Menyelaraskan pelbagai mesej pengurusan PBPP sebanyak 39 mesyuarat sepanjang tahun 

PROGRAM PEMBUDAYAAN & PENGUKUHAN INTEGRITI PBPP:
“Saya Yang Menjalankan Amanah” oleh Pejabat Mufti WP

PROGRAM CERAMAH INTEGRITI

bertajuk, “Pihak Berkuasa : Berkuasa atau Salah Guna Kuasa?” oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM



PEMERIKSAAN MENGEJUT (AP.309)

- i. 18 Mac 2019 (Pemeriksaan stor peralatan PBPP)
- ii. 27 September 2019 (Pemeriksaan kenderaan Jabatan PBPP)



07 AKTIVITI PBPP SE PANJANG TAHUN 2019



International Medical Device Conference (IMDC) & Malaysia Medical Device Expo (MYMEDEX) 2019

Salah satu kejayaan besar PBPP pada tahun 2019 adalah pengajuran satu pameran, *Malaysian Medical Device Expo (MYMEDEX)* dan satu persidangan bertaraf antarabangsa, *International Medical Device Conference (IMDC)* 2019 pada 15-17 Oktober 2019 bertempat di *Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MiTEC)*, Kuala Lumpur dengan kerjasama MyEvents International. Kedua-dua program ini telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir b. Mohamad, Perdana Menteri.



IMDC telah dianjurkan buat pertama kalinya di Pulau Pinang dalam tahun 2017 merupakan satu platform yang berkesan bagi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) untuk menyampaikan perkembangan terkini dalam kawalan peranti perubatan sama ada di Malaysia atau di peringkat antarabangsa, di samping menyampaikan maklumat-maklumat lain yang berkaitan industri peranti perubatan. Semasa IMDC2017, satu pameran berskala kecil industri peranti perubatan telah turut diadakan. Lebih 250 peserta telah menghadiri IMDC2017.



MyMEDEX pula telah dianjurkan buat pertama kalinya pada tahun 2018 dengan kerjasama syarikat MyEvents International merupakan satu platform bagi industri peranti perubatan tempatan untuk mempamerkan produk-produk peranti perubatan mereka. Ia dianjurkan secara profit sharing dan telah diadakan serentak dengan Mesyuarat Asian Harmonization Working Party (AHWP), sebuah organisasi non-profit yang berusaha ke arah penyeragaman keperluan perundungan peranti perubatan bagi rantau Asia. Lebih 7,000 peserta telah mengunjungi pameran ini, termasuk peserta dari 30 negara yang menghadiri Mesyuarat AHWP.



IMDC2019 dan MyMEDEX2019 merupakan satu platform yang berkesan bagi PBPP untuk menyampaikan perkembangan terkini dalam program kawalan peranti perubatan di negara ini dan di peringkat antarabangsa. Ini akan dapat:-

- Meningkatkan kefahaman pemain-pemain industri dan pihak-pihak lain yang berkaitan mengenai keperluan-keperluan perundungan yang perlu dipatuhi;
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan PBPP;
- Memberi peluang kepada peserta untuk mendapat maklumat berkaitan perkembangan terkini dalam kawalan peranti perubatan di peringkat global;
- Memberi peluang untuk pemain-pemain industri untuk membuat networking, mendapat maklumat berkaitan dari agensi-agensi kerajaan yang lain yang menyokong perkembangan industri peranti perubatan di negara ini;
- Menjadi pemangkin untuk menjadikan Malaysia sebagai hub bagi industri peranti perubatan di rantau ini;
- Menjadi pusat sehenti bagi promosi industri peranti perubatan di negara ini;
- Mempromosi dan membantu menaikkan imej PBPP dan KKM;



Aktiviti Unit Integriti 2019



- **Program Pembudayaan & Pengukuhan Integriti PBPP bertajuk, "Saya Yang Menjalankan Amanah"**
- Pada 14 Mei 2019, **Program Pembudayaan & Pengukuhan Integriti** PBPP yang bertajuk, "Saya Yang Menjalankan Amanah" yang telah disampaikan oleh Al-Fadil Ustaz Tajul Urus Bin Abdul Halim, Pegawai Hal Ehwal Islam wakil daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi memantapkan integriti di kalangan warga PBPP dalam menjalankan tugas harian di pejabat. Program ini telah dihadiri seramai hampir 50 orang pegawai dan kakitangan PBPP serta turut diserikan dengan kehadiran Ketua Eksekutif PBPP, En. Ahmad Shariff.
- Selain itu, bagi memberi kesedaran berkaitan penyalahgunaan kuasa di kalangan warga kerja PBPP, Unit Integriti PBPP telah menganjurkan ceramah integriti bertajuk, "**Pihak Berkuasa : Berkuasa atau Salah Guna Kuasa**" pada 5 Julai 2019 bertempat di Bilik Seminar PBPP. Program yang telah berlangsung selama sejam setengah ini telah dihadiri seramai 50 orang pegawai termasuk gred 48 ke atas dan kakitangan PBPP. Ceramah ini telah disampaikan oleh PsK Hamzah Bin Ibrahim, pegawai daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat, Ibu Pejabat SPRM.

Bagi meningkatkan tadbir urus yang terbaik dan unggul, adalah menjadi tanggungjawab Unit Integriti PBPP dalam memastikan PBPP beroperasi dengan baik dan diurus dengan professional. Antaranya, penglibatan Unit Integriti sebagai urusetia bersama Unit Khidmat Pengurusan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi dan Anti Rasuah PBPP yang telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2019. Mesyuarat ini membincangkan perihal perkara berkaitan isu-isu dalaman PBPP seperti pengurusan dan pentadbiran, kewangan dan lain-lain yang memerlukan keputusan di peringkat Pengurusan Tertinggi PBPP. Namun, sehingga akhir tahun 2019, tiada isu berkaitan integriti dilaporkan dan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Selain itu, Unit Integriti bersama Ketua Eksekutif PBPP telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut seperti yang terdapat dalam Arahan Perbendahaan 309 (AP. 309) secara berkala sekali dalam tempoh enam (6) bulan ke atas tiap-tiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai atau bekas lain yang menyimpan wang yang dikendalikan oleh seseorang pegawai dalam PBPP yang diamanahkan dengan penyimpanan Wang Awam atau barang-barang lain yang berharga. Pemeriksaan ini telah dilakukan seperti berikut :

- i. 18 Mac 2019 (Pemeriksaan ke atas peralatan stor PBPP); dan
- ii. 27 September 2019 (Pemeriksaan ke atas buku log kenderaan & kenderaan Jabatan PBPP).



TEMU RAMAH DI SLOT RADIO SELANGOR.FM

Sesi temu ramah PBPP SECARA LIVE di konti radio Selangor. Fm 100.9 hz telah berjalan dengan jayanya pada 10 Disember 2019.

Bersiaran ke udara selama 45 minit dari jam 3.15 pm hingga 4.45 petang, sesi ini menampilkan wakil PBPP, Puan Salbiah Binti Yaakop, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Dasar, Kod dan Standard ditemuramah oleh penyampai radio Selangor. Fm, Puan Ain untuk menerangkan secara ringkas kefahaman mengenai “ PERANTI PERUBATAN” kepada orang awam.

Warga PBPP amat berterima kasih kepada radio Selangor. Fm di atas kesudian menerima kami sebagai tetamu jemputan untuk sesi PRESPEKTIF KESIHATAN pada kali ini.



SELANGORFM
100.9MHz
pilihan tepat
SELANGORFM100.9

08 LAPORAN KEWANGAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 7 hingga 17.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Pihak Berkuasa Peranti Perubatan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Pihak Berkuasa Peranti Perubatan berdasarkan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(ZAKRI BIN MAMAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
24 DISEMBER 2020



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN**

